

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI AKMAL NASRULLAH BIN  
MOHD NASIR**  
**KAWASAN : JOHOR BAHRU**

**SOALAN NO. 64**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan langkah-langkah penjimatan, pengurusan dan perbelanjaan kewangan yang terkawal serta memastikan projek-projek yang diluluskan dapat disiapkan mengikut masa dan spesifikasi yang ditetapkan ekoran wabak COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah bagi melaksanakan penjimatan, pengurusan projek yang efektif dan perbelanjaan kewangan yang terkawal adalah dengan melaksanakan beberapa inisiatif seperti berikut:

1) Membantu Kementerian Kewangan dalam pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dan projek PRIHATIN

Kementerian Kewangan memperuntukkan sejumlah RM4 bilion iaitu pecahan RM2 bilion di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) dan tambahan RM2 bilion lagi di bawah projek PRIHATIN bagi projek berskala kecil di seluruh negara. Projek-projek ini akan membawa manfaat kepada kontraktor kecil dan perlu dipercepatkan pelaksanaannya supaya mampu memberi kesan berganda kepada ekonomi negara dengan lebih pantas.

2) Memberi Lanjutan Masa (Extension of Time - EOT) kepada kontraktor yang terkesan dengan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Pekeliling Perbendaharaan PK 2.4 telah memberi panduan kepada Kementerian/Jabatan kaedah untuk mengeluarkan Lanjutan Masa (Extension of Time EOT) bagi kontrak yang terkesan dengan penguatkuasaan PKP. Lanjutan daripada itu, Surat Edaran Ketua Pengarah Kerja Raya ruj JKR.KPKR:121.010/05 Jld.19(5) bertarikh 12 Mei 2020 dan JKR.KPKR:121.010/05 Jld.19(14) bertarikh 2 Jun 2020 juga telah diedarkan yang turut mengandungi panduan kepada Pegawai Penguasa/Pengarah Projek (P.P.) mengenai pengeluaran EOT kepada kontraktor dalam tempoh PKP.

3) Menghasilkan Tatacara Pelaksanaan Perolehan Kerja Kerajaan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan di Jabatan Kerja Raya

Kementerian Kewangan Malaysia, melalui surat rujukan MOF.BPK(S)600-1/3/69 JLD.2 (8) bertarikh 1 Julai 2020, telah meluluskan beberapa cadangan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) bagi pelaksanaan Perolehan Kerja Kerajaan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan. Cadangan-cadangan JKR yang telah diluluskan secara bersyarat ialah memperkenalkan semula Harga Indikatif Jabatan di dalam Dokumen Tender; dan Pemendekkan Tempoh Tutup Tender.

4) Pelaksanaan Perolehan Kerja Pasca Perintah Kawalan Pergerakan bagi Tender Terbuka Pra Kelayakan (Peringkat 2) dan Tender Terbuka Pra Kelayakan Kluster

Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan MOF.BPK(S)600-1/3/69 JLD.2 (24) bertarikh 12 Ogos 2020, telah meluluskan cadangan balas Pelaksanaan Perolehan Kerja Pasca Perintah Kawalan Pergerakan dan Perincian Tatacara Tender Terbuka Pra Kelayakan Kluster untuk digunapakai oleh kesemua projek Kerajaan yang dilaksanakan oleh JKR Malaysia. Pelaksanaan perolehan kerja Kerajaan oleh JKR dipelawa seperti berikut:

<b>Nilai</b>	<b>Kaedah Perolehan</b>
Melebihi RM10 juta hingga RM50 juta	Tender Terbuka Pra Kelayakan (Peringkat 2)
Melebihi RM50 juta hingga RM100 juta	Tender Terbuka Pra Kelayakan Kluster

Dokumen yang dihasilkan ialah Prosedur Operasi Standard Perolehan Tender Terbuka Pra-Kelayakan (Peringkat Ke-2) dan Operasi Standard Perolehan Tender Terbuka Pra Kelayakan Kluster.

Sekian, terima kasih.